

06 NOV 2000

Mahathir-Kereta

KERETA SPORT TD 2000 MASUKI PASARAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 6 Nov (Bernama) -- Pengedar kereta nasional Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) hari ini menandatangani satu perjanjian dengan TD Cars (Malaysia) Sdn Bhd bagi pengedaran eksklusif kereta sport klasik TD 2000 di Malaysia.

Pengerusi EON, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata penjualan kereta TD 2000 tidak akan menjadi saingan kepada kereta nasional kerana ia mensasarkan pasaran tersedia yang terpilih.

Kereta sport itu adalah jenis yang berbeza dan tidak seperti kereta-kereta lain yang dibuat oleh Proton Bhd pada masa ini.

"Kami tidak berhasrat menjual sejumlah besar kereta TD tetapi hanya 5-10 unit sebulan," katanya selepas upacara menandatangani perjanjian itu yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Menandatangani bagi pihak EON ialah Saleh dan pengarah urusannya Datuk Adzmi Abdul Wahab manakala TD Cars diwakili oleh pengerusinya Datuk (Dr) Jaffar Mohamed Ali dan pengarah urusannya, Edward Teo.

Kereta sport TD 2000 ini kini dipasang oleh salah sebuah anak syarikat milik penuh EON, Automotive Conversion Engineering Sdn Bhd (ACE).

Lapan buah kereta sport TD 2000 buatan tangan telah dipasang tahun ini.

Saleh berkata buat permulaan ini, daripada 175 pusat jualan EON, 52 cawangan dan 18 perniagaan jualan telah dilantik oleh EON untuk memasarkan kereta sport TD 2000.

Perjanjian pengedaran tunggal dan eksklusif bagi kereta sport klasik TD 2000 adalah bagi tempoh lima tahun dengan opsi untuk melanjutkannya selama lima tahun lagi.

Jaffar berkata TD Cars menyimpan hasrat untuk mengesksport kereta sportnya ke Singapura, New Zealand, Hong Kong, Afrika Selatan, Australia, United Kingdom, Ireland dan negara-negara Komanwel yang lain.

Beliau juga berkata pengeluaran kereta sport ini dijangka meningkat daripada 80 unit tahun ini kepada 180 kereta menjelang tahun 2001 dan bertambah sekali ganda lagi dalam tahun berikutnya.

Kini TD 2000 mempunyai 50 peratus kandungan tempatan dan menggunakan enjin kereta Toyota Celica.

Beliau juga berkata penduduk Britain kagum dengan kereta tersebut dan diharapkan kereta ini akan berada di jalan raya di London.

Teo berkata TD Cars berharap dapat mula mengesksport TD 2000 ke Singapura dalam tahun ini dan ke UK awal tahun depan.

Dalam acara yang sama, Dr Mahathir menyerahkan kunci kepada pemilik pertama dan kedua TD 2000. Masing-masing ialah Dr Shariffuddin Abdul Wahab and Datuk Dr Hamzah Abdul Rahman.

Perdana Menteri juga memandu uji kereta itu bersama Saleh yang duduk di sisi beliau di sekitar kompleks pejabat Putrajaya.

Sementara itu, Saleh, yang merupakan pengerusi DRB-Hicom Bhd, berkata penjualan 32 peratus kepentingan milik Hicom Holdings Bhd dalam EON kepada Proton nampaknya masih tiada perkembangan pada masa ini.

Ditanya sama ada EON berpuas hati mengekalkan operasi pengedaran kereta dan EON Bank Bhd, Saleh berkata: "Jika ada sebarang urusan niaga, ia perlulah mengikut syarat yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Jika kami perlu menjual, maka keseluruhan EON akan dijual,"

-- BERNAMA

MK MR KY MA PR

